



JABATAN PERIKANAN MALAYSIA  
KEMENTERIAN PERTANIAN DAN INDUSTRI ASAS TANI MALAYSIA  
(Department of Fisheries Malaysia  
Ministry of Agriculture & Agro-Based Industry Malaysia)  
ARAS 1-6, BLOK 4G2, WISMA TANI  
NO. 30, PERSIARAN PERDANA, PRESINT 4  
62628 PUTRAJAYA.



Telefon : 03- 8000 8000  
Faks : 03- 8889 5490  
Emel : [pro@dof.gov.my](mailto:pro@dof.gov.my)  
Laman Web : <http://www.dof.gov.my>

## **UNTUK SIARAN SEGERA**

### **SIARAN MEDIA JABATAN PERIKANAN MALAYSIA**

#### **PEMBANGUNAN KELAH FOKUS UTAMA JABATAN PERIKANAN DALAM RMK-11**

Mersing, 5 September:- Pembangunan Sumber Baru Akuakultur Kelah merupakan salah satu fokus utama di bawah Rancangan Malaysia Malaysia Kesebelas (RMKe11) dijangka dapat memberi sumbangan yang signifikan kepada industri perikanan secara keseluruhannya.

Menteri Pertanian dan Industri Asas Tani, Datuk Seri Ahmad Shabery Cheek berkata, objektif utama dalam program ini ialah untuk menghasilkan dan membangunkan stok baka induk kelah yang berpotensi sebagai spesis akuakultur dan memulihkan dan meningkatkan kembali stok semulajadi di habitat asal ikan tersebut. Ia telah mula dijalankan pada tahun 2016 dengan peruntukan kerajaan sebanyak RM194,000.00.

Beliau berkata statistik menunjukkan jumlah pengeluaran ikan kelah pada tahun 2013 ialah sebanyak 19.6 tan metrik dan pada tahun 2014 telah menurun kepada 18.6 tan metrik. Penurunan tersebut disebabkan oleh kesukaran untuk memperolehi benih-benih ikan kelah tersebut. Jumlah hatcheri yang menghasilkan benih kelah pada

tahun tersebut hanyalah dua buah hatcheri Kerajaan iaitu dibawah Jabatan Perikanan sendiri dan Jabatan Pertanian Sarawak.

“Bagi mengatasi permasalahan ini, ,Jabatan Perikanan Malaysia akan membangunkan empat buah hatcheri pengeluaran ikan air tawar khasnya bagi pengeluaran benih ikan kelah pada tahun 2016 yang bertujuan untuk membantu penternak/pembekal dalam menghasilkan benih kelah sendiri tanpa bergantung kepada benih liar, dan ia dapat melindungi benih liar daripada dieksploitasi secara berlebihan” ujarnya kepada pemberita selepas melakukan lawatan kerja ke Projek Ternakan Kelah di Kampung Air Merah di sini hari ini. Turut hadir dalam lawatan ini ialah Datuk Ismail Abu Hassan, Ketua Pengarah Perikanan Malaysia.

Tambahnya lagi, program pembangunan hatcheri pengeluaran benih ini akan mencakupi beberapa elemen seperti pembangunan infrastruktur, pengurusan/pembangunan induk, pengurusan makanan, pembiakan aruhan, dan asuhan dan ternakan iaitu kaedah asuhan benih, kadar tebaran dan pengredan.

Sementara itu, pengusaha projek ternakan ikan kelah, Encik Mohamad Hanafi bin Awang berkata, beliau memulakan ternakan ikan kelah dengan modal sebanyak RM 300,000 dari tahun 2012.

“Saya telah mengusahakan sebanyak 4,500 ekor ikan Kelah Biru dan Merah ditenak di samping ternakan Tilapia, Lampam dan Kerai. Benih diperolehi dari sumber ikan semulajadi dari kawasan Janda Baik, Banding dan Tasik Kenyir. Pada masa ini, pasaran hanya bertumpu kepada pasaran tempatan sahaja iaitu individu dari Kuala Lumpur dan Johor Bahru.” Ujarnya lagi.

#####